



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

22 JANUARI 2026 (KHAMIS)

[VIDEO] Penduduk Loya Bau Busuk Air Hitam Dari Kandang Babi

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Sinar Harian	Selangor KL	Dalam Talian	21 Jan



Tangkap layar dari YouTube Sinar Harian

KUALA LANGAT – Air berwarna hitam pekat dan berbau busuk dikesan mengalir dari kawasan kandang babi ke parit utama di Kampung Tumbuk Darat, Tanjung Sepat di sini sekali gus menimbulkan kebimbangan penduduk terhadap tahap pencemaran alam sekitar di kawasan berkenaan.

Tinjauan Sinar Harian mendapati sisa cecair atau efluen dari ladang babi itu dilepaskan melalui paip bersaiz besar sebelum bertakung di sebuah kawasan pembuangan yang menyerupai kolam kumbahan tidak terurus.

Keadaan itu menyebabkan penduduk sekitar terpaksa menghidu bau yang meloyakan tekak, terutama setiap kali menjelang Subuh, dipercayai akibat pelepasan efluen najis babi yang tidak dirawat.

Difahamkan, pencemaran itu berlaku secara berterusan apabila sisa dari kandang dialirkan ke kolam kumbahan sebelum dibuang ke parit dan anak sungai, seterusnya mengalir hingga ke pesisir Pantai Kampung Tumbuk di Selat Melaka.

Seorang pekerja ladang sawit, Muhammad Nazmi Mohd Nin, 31, berkata, beliau sudah terbiasa dengan bau

busuk berkenaan memandangkan telah lama bekerja berhampiran dua ladang babi yang diuruskan secara tradisional di kawasan itu.

“Bau busuk memang kuat, terutama awal pagi. Kadang-kadang sampai rasa loya, tapi lama-kelamaan terpaksa biasakan diri sebab tempat kerja dekat dengan kawasan ladang babi,” katanya pada Rabu.

Seorang lagi penduduk, S Sree Jalaraman, 46, berkata, mereka kini hidup dalam keresahan apabila aktiviti pelepasan sisa hitam dari ladang babi itu bukan sahaja mencemarkan udara, malah telah ‘membunuh’ ekosistem laut yang menjadi sumber rezeki penduduk selama ini.

Jelasnya, isu pencemaran memberi impak besar kepada aktiviti perikanan apabila jumlah nelayan tempatan yang turun ke laut semakin berkurangan kerana bimbang pencemaran air menjejaskan kualiti tangkapan.

“Pencemaran yang berlarutan sejak lebih 50 tahun ini didakwa menjadi punca utama kepupusan hasil laut seperti kerang dan ketam yang dahulunya sangat mudah diperolehi di pesisir pantai.

“Kalau dulu kawasan ini setempat. terkenal dengan kerang dan



Keadaan air berwarna hitam pekat dan berbau busuk dikesan mengalir dari kawasan kandang babi ke parit utama di Kampung Tumbuk Darat, Tanjung Sepat. Gambar kecil dari kiri: Muhammad Nazmi, Sree Jalaraman dan Ahmad Yunus.

ketam, tetapi sekarang saya rasa bukan setakat kurang, malah sudah tiada langsung,” katanya.

Sementara itu, Ketua Penerangan Pas Pusat, Ahmad Fadhli Shaari berkata, isu pencemaran sisa hitam dan bau busuk dari ladang babi di kawasan itu kini mencecah tahap kritikal.

Menurutnya, meskipun hanya 30 peratus daripada 114 kandang asal masih beroperasi selepas serangan penyakit Demam Babi Afrika (ASF) tahun lalu, impak pelepasan efluen tidak terawat ke laut masih membelenggu penduduk

Katanya, tinjauan pihaknya mendapati sistem kumbahan yang tidak mengikut piawaian menyebabkan najis babi disalurkan terus ke parit hingga mencemari kawasan pantai.

“Radius ladang ini hanya sekitar satu kilometer dari kediaman dan masjid, yang secara tidak langsung menyalahi garis panduan,” katanya.

Beliau menggesa Menteri Besar Selangor bertindak lebih proaktif dan mendesak Jabatan Alam Sekitar (JAS) serta Jabatan Perkhidmatan Veterinar (DVS) menyelesaikan isu ini dengan

segera.

Ahli Parlimen Banting, Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi pula berkata, sistem penternakan tradisional yang diamalkan sejak sekian lama itu kini tidak lagi boleh diterima oleh masyarakat tanpa mengira kaum kerana kesan pencemarannya yang serius.

Beliau turut mempersoalkan kelewatan kerajaan negeri dalam menyelesaikan isu perpindahan ladang itu walaupun perancangan Modern Pig Farming (MPF) sudah dirancang sejak 2018.

Ahmad Yunus berkata, kesan pencemaran tidak boleh hanya dinilai berdasarkan



Ahmad Yunus (kiri) dan Ahmad Fadhli (dua dari kanan) meninjau keadaan perparitan yang dicemari air berwarna hitam dan berbau busuk di Kampung Tumbuk pada Rabu.

“Titah Sultan Selangor sudah jelas, kita tidak mahu lagi ada ladang babi di Kuala Langat ini.

“Pelepasan sisa hitam ini berlaku setiap hari tanpa kira masa. Hasil tinjauan kami mendapati bau dari kolam kumbahan sangat pahit dan hangit. Jika angin laut bertiup ke darat, seluruh kampung akan terkesan,” ujarnya.

perubahan warna air semata-mata, kerana ia juga membabitkan kandungan berbahaya seperti logam berat yang boleh terkumpul dalam ekosistem laut.

“Kandungan logam berat ini menjadi makanan kepada ikan, dan akhirnya dimakan oleh manusia. Jika mikroplastik dalam makanan laut pun telah terbukti memberi kesan kesihatan,

sisia najis babi tentu lebih berbahaya,” jelasnya.

Tambahnya lagi, pencemaran ini juga boleh memberi kesan jangka panjang terhadap sektor pelancongan Selangor, khususnya di pantai tumpuan seperti Bagan Lalang, Gold Coast, Batu Laut dan Morib.

“Jika pencemaran seperti ini berterusan, ia akan memberi kesan langsung kepada imej dan industri pelancongan negeri. Bau busuk ini mungkin sudah biasa kepada penduduk, tetapi tidak kepada pelancong.

“Pencemaran ini boleh menjejaskan keseluruhan rangkaian ekonomi setempat,” katanya.-[SINARHARIAN](#)

Pemimpin PAS Dakwa Najis Babi di Tanjung Sepat disalur Ke Laut

MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT	TARIKH
Malaysia Kini	Berita	Dalam Talian	22 Jan



Pemimpin PAS semalam mendakwa sisa ternakan babi dari ladang-ladang di Tanjung Sepat disalurkan terus ke Selat Melaka, dengan pengurusan kumbahan sama ada tidak dilaksanakan atau dijalankan secara tidak teratur.

Beberapa pemimpin PAS, termasuk Ketua Penerangan Ahmad Fadhli Shaari; Ahli Parlimen Kuala Langat, Dr Ahmad Yunus Hairi, serta Yang Dipertua PAS Kawasan Sepang, Sabirin Marsono, melawat ladang-ladang tersebut di Kampung Tumbuk bagi melihat

sendirinya caranya beroperasi.

“Dan apa yang kita lalu tadi ialah (kita melihat) najis babi yang disalurkan dengan tidak mengikut piawaian sebenar, sistem kumbahan yang tidak dilaksanakan dengan betul dan pada akhirnya kita dapat melihat tadi (sisa) masuk ke laut.

“Dan kita tidak tahu betapa besar pencemaran yang berlaku di Laut Selat Melaka di belakang saya pada ketika ini,” kata Fadhli kepada pemberita.

Yunus berkata ladang-ladang babi tersebut dijalankan secara tradisional, dengan beberapa kolam digunakan untuk menyalurkan sisa yang akhirnya mengalir ke longkang, sungai dan seterusnya ke laut.

“Semua masyarakat tak kira sama ada Melayu, India atau pun Cina, mereka tidak boleh toleran dengan keadaan sistem ternakan babi seperti ini (yang dijalankan) secara tradisional,” katanya.

Pemimpin PAS terbabit turut mempersoalkan langkah-langkah yang telah diambil Jabatan Alam Sekitar dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar bagi memeriksa serta memantau isu berkenaan.

Fadhli berkata lawatan yang dilakukan adalah sebahagian daripada usaha untuk meninjau masalah berkaitan penternakan babi di kawasan tersebut, di samping menjunjung titah Sultan Selangor yang mengarahkan ladang-ladang itu ditutup dan dipindahkan.

Teguran Sultan

Pada 12 Januari, selepas menerima menghadap beberapa ahli majlis mesyuarat kerajaan negeri Selangor berhubung isu ladang babi di Tanjung Sepat, Sultan Sharafuddin

Idris Shah memperkenankan beberapa ketetapan, termasuk titah bahawa tiada lagi operasi penternakan babi dibenarkan di Tanjung Sepat.

Dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Istana Selangor, Sultan Sharafuddin turut menitahkan supaya operasi sedia ada di kawasan tersebut dihentikan secara berperingkat dan dipindahkan sepenuhnya ke Bukit Tagar, dengan mematuhi semua keperluan undang-undang dan peraturan berkaitan.

Baginda juga mengarahkan kerajaan negeri menjalankan satu kajian menyeluruh serta bancian terperinci bagi mengenal pasti jumlah bekalan daging babi yang diperlukan oleh penduduk bukan Islam di Selangor.

Selain itu, Sultan Sharafuddin menegaskan bahawa dana awam tidak boleh digunakan bagi sebarang operasi penternakan babi pada masa hadapan, termasuk di Bukit Tagar.

Dua hari sebelum itu baginda menzahirkan rasa murka terhadap pengurusan ladang babi di Selangor ketika ini.

Baginda turut mencadangkan agar wakil-wakil rakyat tinggal berhampiran ladang babi di

Tanjung Sepat untuk merasai sendiri kesannya.

Baginda bertitah bahawa penduduk yang tinggal berhampiran ladang babi mengalami pelbagai kesan negatif, termasuk bau busuk yang berpanjangan, pencemaran air sungai dan masalah lalat yang berterusan, yang menjejaskan kualiti hidup serta menimbulkan kebimbangan terhadap kesihatan.

Kenal pasti lokasi baru

Dalam sidang media semalam, Fadhli berkata walaupun hanya kira-kira 30 peratus ladang babi masih beroperasi susulan wabak virus tahun lalu, kesannya tetap dirasai oleh penduduk.

Dia memaklumkan bahawa sebelum ini terdapat 114 kandang babi yang beroperasi di kawasan tersebut, yang terletak dalam jarak 1 kilometer daripada kawasan perumahan dan masjid terdekat.

Yunus pula menggesa kerajaan negeri mengenal pasti lokasi baru yang dilengkapi kemudahan sesuai bagi mengendalikan penternakan babi, selaras dengan titah Sultan.

Dia berkata penternakan babi secara moden lebih

mudah diurus dan sepatutnya hanya memenuhi keperluan pihak yang bergantung kepadanya sebagai sumber protein.-
[MALAYSIAKINI](#)

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR